



PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2025

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato /YBhg. Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2025 BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2025 dan peraturan yang perlu dipatuhi bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2.0 TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2025 adalah berdasarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024: Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2025 yang bertarikh 13 September 2024 yang ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 yang berkuatkuasa.

3.0 PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

3.1 Tarikh pemakluman gaji bagi tahun 2025 adalah seperti di **Lampiran 1 dan Lampiran 2;**

- 3.2 Pekeliling Bendahari ini hendaklah dibaca bersama Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) Bab 8: Gaji Dan Bayaran Lebih Masa yang masih berkuatkuasa;
- 3.3 Jabatan Pendaftar hendaklah memastikan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin. 1/2019) dikemukakan beserta dokumen sokongan mengikut tarikh yang ditetapkan bagi mengelak sebarang kelewatan;
- 3.4 Staf dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan permohonan dan kelulusan tuntutan kerja lebih masa secara dalam talian melalui e-community UMPSA dan hendaklah mematuhi peraturan tuntutan lebih masa yang berkuatkuasa;
- 3.5 Semua permohonan atau arahan potongan gaji hendaklah lengkap dan tepat dengan nama, nombor ID pegawai, nombor kad pengenalan baru, jumlah dan nombor rujukan potongan. Tanggungjawab Pegawai hendaklah merujuk kepada bank masing-masing sekiranya terdapat sekatan ke atas pembayaran emolumen di akaun bank pegawai yang mempunyai pembiayaan pinjaman dari bank berkenaan yang mana sekatan adalah tertakluk kepada terma perjanjian yang telah dimeterai di antara pegawai dan bank tersebut;
- 3.6 Pembayaran emolumen bagi pekerja bergaji hari akan diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya sementara tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya; dan
- 3.7 Staf digalakkan menghubungi Unit Gaji Dan Kemudahan Staf seperti berikut:

Unit Gaji Dan Kemudahan Staf
Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan
Jabatan Bendahari
No Tel: 09-431 6080/6092/6112
Email : wages@umpsa.edu.my.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 3 Januari 2025

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

LAMPIRAN 1

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
JADUAL PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2025 (KUMPULAN 1)**

BULAN	TARIKH GAJI	HARI	CATATAN & NOTA	TARIKH AKHIR	
				OT	R.O.C
JANUARI	22.01.2025	RABU	29hb. (Rabu) & 30hb. (Khamis) TAHUN BARU CINA	03.01.2025 JUMAAT	08.01.2025 RABU
FEBRUARI	25.02.2025	SELASA		04.02.2025 SELASA	11.02.2025 SELASA
MAC	24.03.2025	ISNIN	31hb. Mac (Isnin) & 01hb. Apr (Selasa) HARI RAYA PUASA	03.03.2025 ISNIN	10.03.2025 ISNIN
APRIL	24.04.2025	KHAMIS		03.04.2025 KHAMIS	10.04.2025 KHAMIS
MEI	22.05.2025	KHAMIS	30hb. (Jumaat) & 31hb. (Sabtu) HARI PESTA KAAMATAN	02.05.2025 JUMAAT	07.05.2025 RABU
JUN	25.06.2025	RABU	1hb. (Ahad) & 2hb. (Isnin) HARI GAWAI 7hb. (Sabtu) & 8hb. (Ahad) HARI RAYA HAJI	03.06.2025 SELASA	11.06.2025 RABU
JULAI	24.07.2025	KHAMIS		03.07.2025 KHAMIS	10.07.2025 KHAMIS
OGOS	25.08.2025	ISNIN		04.08.2025 ISNIN	11.08.2025 ISNIN
SEPTEMBER	25.09.2025	KHAMIS		04.09.2025 KHAMIS	11.09.2025 KHAMIS
OKTOBER	16.10.2025	KHAMIS	20hb. (Isnin) HARI DEEPAVALI	02.10.2025 KHAMIS	02.10.2025 KHAMIS
NOVEMBER	20.11.2025	KHAMIS		03.11.2025 ISNIN	10.11.2025 ISNIN
DISEMBER	18.12.2025	KHAMIS	25hb. (Khamis) HARI KRISMAS	03.12.2025 RABU	09.12.2025 SELASA

LAMPIRAN 2**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
JADUAL PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2025 (KUMPULAN 2)**

BULAN	TARIKH GAJI	HARI	CATATAN & NOTA	TARIKH AKHIR (R.O.C)
JANUARI	07.02.2025	JUMAAT		31.01.2025 JUMAAT
FEBRUARI	07.03.2025	JUMAAT		28.02.2025 JUMAAT
MAC	08.04.2025	SELASA		02.04.2025 RABU
APRIL	08.05.2025	KHAMIS		02.05.2025 JUMAAT
MEI	05.06.2025	KHAMIS	7hb. (Sabtu) & 8hb. (Ahad) HARI RAYA HAJI	29.05.2025 KHAMIS
JUN	07.07.2025	ISNIN		02.07.2025 RABU
JULAI	07.08.2025	KHAMIS		01.08.2025 JUMAAT
OGOS	08.09.2025	ISNIN		02.09.2025 SELASA
SEPTEMBER	07.10.2025	SELASA		01.10.2025 RABU
OKTOBER	07.11.2025	JUMAAT		31.10.2025 JUMAAT
NOVEMBER	08.12.2025	ISNIN		02.12.2025 SELASA
DISEMBER	07.01.2026	RABU		31.12.2025 RABU

Nota: Mengikut SPANM BIL. 5/2024 Perkara 3.2.4: Pembayaran emolument bagi pekerja bergaji hari adalah selewat-lewatnya pada hari ke-7 bekerja bulan berikutnya.